

23 NOV 2000

Mahathir-Undang-undang

K'JAAN TIMBANG PERKETAT UNDANG-UNDANG BERKAITAN PENYALAHGUNAAN AGAMA

BANGI, 23 Nov (Bernama) -- Kerajaan sedang meneliti kemungkinan meminda peruntukan undang-undang berkaitan dengan penyalahgunaan agama supaya ia lebih jelas dan lebih berkesan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata penyalahgunaan atau pencabulan agama, mana-mana agama sekalipun, boleh memupuk ketidakpercayaan, kebencian dan perpecahan perpaduan yang tidak dapat dibaiki, dengan itu terbuka kepada kemungkinan berlakunya kekacauan secara kerap dan menyeluruh.

Oleh itu penguatkuasaan sepenuhnya undang-undang seperti "peruntukan mengikut Seksyen 298A Kanun Keseksaan mesti dilaksanakan terhadap semua pihak yang melanggar kesalahan berkaitan dengan penyalahgunaan atau pencabulan agama," katanya.

"Walaupun peruntukan undang-undang ini agak tertanggung sejak kira-kira 12 tahun lepas berdasarkan interpretasi tertentu kehakiman, kerajaan kini dalam usaha baru untuk mengatasi sebarang kelemahan yang terdapat dalam peruntukan itu," katanya.

Ini termasuk kemungkinan meminda peruntukan undang-undang berkaitan penyalahgunaan atau pencabulan agama agar lebih jelas dan tepat," kata Dr Mahathir dalam ucapannya pada perasmian persidangan "Kekejaman dan Keganasan Politik" di sini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim.

Sementara itu Rais ketika diminta mengulas lanjut perkara itu berkata satu badan telah diwujudkan yang diawasi beliau dan turut dianggotai Peguam Negara, polis dan wakil dari Bahagian Mahkamah untuk meneliti secara mendalam kemungkinan pindaan itu.

Katanya Seksyen 298A sudah ada dalam buku undang-undang negara sejak 1986 tetapi pada tahun 1987, menerusi satu kes yang dipanggil "Kes Mamad", satu pandangan penghakiman telah dibuat yang menyatakan seksyen itu seharusnya tidak digunakan bagi kes-kes jenayah agama atau yang berkaitan dengan kes salahguna agama.

Menurut pandangan itu, usaha-usaha itu dilaksanakan oleh negeri tetapi apa yang lupa diperhitungkan ialah keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam, walau atas nama apa pun, sekira dicabul tetap menjadi kesalahan jenayah negara, katanya.

Konflik pandangan itu yang menyebabkan pihak penguatkuasaan agak enggan menggunakan seksyen berkenaan selama kira-kira 12 tahun.

Namun begitu, hujah berkenaan didapati kurang tepat kerana ia menjurus kepada agama Islam sahaja, sedang ia merangkumi semua agama yang terdapat di tanah air, katanya.

"Jika peruntukan undang-undang itu dikuatkuasakan, ia akan dapat mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan salahguna agama atau yang menyelewengkan apa-apa ajaran, bukan sahaja Islam tetapi semua agama," kata Rais.

Selain itu, perlu juga dijelaskan dalam peruntukan undang-undang itu bidang kuasa kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.

Ditanya kecenderungan pengamal politik bertindak agresif sekarang, Rais berkata kecenderungan berpolitik secara kasar semakin meningkat.

"Seperti yang berlaku di Lunas (penamaan calon bagi kerusi negeri itu pada Selasa lepas), saya dapati sifat murni, keIslaman dan keMelayuan yang mirip kepada budi bahasa sudah tidak ada lagi.

"Yang timbul ialah gara-gara kasar, perbuatan yang keterlaluan, jeritan yang tinggi, menggunakan tangan acu-mengacu, ajak berkelahi semua ini jelas. Saya tidak bersetuju kerana trend seperti ini akan mengakibatkan perkelahian atau rusuhan," katanya.

-- BERNAMA
APG AFY RON